



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**  
**26 APRIL 2026 / 8 ZULKAEDAH 1447H**

---

**SEPULUH INDIVIDU TERMASUK SEORANG PEGAWAI BERTUGAS DI PINTU MASUK DITAHAN DALAM OPS 'TOYU'**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan satu Operasi Khas di sekitar Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 25 April 2026 bermula jam 12.50 tengah hari melibatkan sepasukan pegawai pelbagai pangkat dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama JIM Negeri Kedah dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Berdasarkan maklumat awam dan risikan selama satu (1) bulan, pasukan operasi telah diatur gerak ke lokasi dan berjaya menahan satu (1) lelaki warga tempatan dan satu (1) lelaki warganegara Thailand yang dipercayai '*ejen*' dikenali sebagai '*Toyu*' yang mengatur pergerakan kemasukan warga asing ke dalam negara serta menahan satu (1) lelaki warga tempatan yang dipercayai bertindak sebagai '*transporter*'.

Turut ditahan lima (5) lelaki warganegara India dan satu (1) lelaki warganegara Pakistan. Dalam operasi ini juga, pasukan telah menahan satu (1) Pegawai Kanan JIM yang bertugas di ICQS Bukit Kayu Hitam yang dipercayai sebagai '*pemudah cara*'. Jumlah keseluruhan yang ditahan adalah seramai 10 orang.

Semakan awal mendapati satu (1) lelaki warganegara India yang ditahan merupakan imigran yang telah disenaraihitam serta satu (1) lelaki warganegara Pakistan menggunakan e-visa yang dipercayai palsu manakala warganegara asing lain yang ditahan merupakan imigran larangan.

Pasukan operasi telah menyita sebanyak 5 naskHah pasport India, 1 naskHah pasport Pakistan, Pas Sempadan Malaysia, Pas Sempadan Thailand, Cap Keselamatan Imigresen, 12 unit telefon bimbit dan wang tunai Rupee India (INR) berjumlah 30,000 INR. Turut disita, sebuah kereta jenis Nissan Sentra, dua (2) buah motosikal jenis Honda Wave dan Honda EX5 yang dipercayai digunakan dalam kegiatan ini.

Modus operandi sindiket adalah dengan membawa masuk warganegara asing terutamanya dari India yang dipercayai merupakan Imigran Larangan melalui pintu masuk darat secara terancang. 'Ejen' akan bertindak sebagai penyelaras pergerakan dengan menetapkan masa dan urusan kemasukan warganegara asing ke dalam negara. Warganegara asing ini akan dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia oleh 'transporter' yang berselindung sebagai pemandu teksi bagi mengaburi pihak berkuasa. Setibanya di pintu masuk negara, pegawai yang berperanan sebagai 'pemudah cara' akan menurunkan endorsement ke dalam passport warganegara asing ini walaupun telah tidak memenuhi syarat kemasukan.

Sindiket ini mengenakan bayaran sebanyak RM1,000.00 bagi setiap seorang manakala RM400.00 akan dibayar oleh 'ejen' kepada pegawai bagi setiap passport yang diturunkan endorsement. Sindiket ini dipercayai telah beroperasi sejak awal tahun dan mengakibatkan ketirisan hasil negara yang dianggarkan sebanyak RM4.1juta.

Seramai dua (2) lelaki warga tempatan dan seorang lelaki warganegara Thailand ditahan kerana dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Sek.26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dan satu (1) lelaki warga tempatan ditahan dibawah Sek.26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

Manakala seramai lima (5) lelaki warganegara India ditahan kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Sek.8(3) Akta Imigresen 1959/63 dan satu (1) lelaki warganegara Pakistan ditahan di bawah Sek.56(1)(l) Akta Imigresen 1959/63. Kesemua yang ditahan dibawa ke Pejabat Imigresen Negeri Kedah untuk tindakan lanjut. Seramai dua (2) lelaki dan dua (2) perempuan warga tempatan telah dikeluarkan Notis untuk hadir ke pejabat bagi membantu siasatan.

Jabatan Imigresen Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan migran termasuk pegawai JIM bagi memastikan kedaulatan serta keselamatan negara terus terpelihara.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN  
KETUA PENGARAH IMIGRESEN  
MALAYSIA**